

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI TAHUN 2018

Bil.	Jenis Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP mengikut Akta Berkenaan	Tambahannya Masa ¹ bagi Pengemukaan BNCP dan Bayaran Baki Cukai (jika berkenaan)		Penyediaan Sistem e-Filing untuk:		Nota Panduan Pengemukaan	
			Kaedah Pengemukaan	Tambahan Masa	Pembayar Cukai	Ejen Cukai (TAeF)		
Penyata Tahun Saraan 2017 Majikan								
A	E / e-E	31 Mac 2018	e-Filing ➤ (Wajib bagi majikan yang terdiri daripada syarikat dan syarikat Labuan)	1 bulan	1 Mac 2018	-	Rujuk Nota Panduan 2	
			Melalui Pos ➤	3 hari bekerja	-			
			Secara Serahan Tangan ➤	Tiada	-			
BNCP Tahun Taksiran 2017 Individu, Perkongsian, Pertubuhan, Harta Pusaka dan Keluarga Sekutu Hindu								
B	1. BE / e-BE	30 April 2018	e-Filing ➤ Melalui Pos ➤ Secara Serahan Tangan ➤	15 hari 3 hari bekerja Tiada	1 Mac 2018 - -	-	Rujuk Nota Panduan 1	
	2. B / e-B	30 Jun 2018						
	3. P / e-P							
	4. BT / e-BT	TIDAK Menjalankan Perniagaan: 30 April 2018						
	5. M / e-M							
	6. MT / e-MT							
	7. TF / e-TF	Menjalankan Perniagaan: 30 Jun 2018		Melalui Pos ➤ Secara Serahan Tangan ➤	3 hari bekerja Tiada			- -
	8. TP							
	9. TJ							
BNCP Tahun Taksiran 2018 Syarikat, Koperasi, Perkongsian Liabiliti Terhadap dan Badan Amanah								
C	1. e-C	Dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh berikutan akhir tempoh perakaunan (tempoh asas bagi tahun taksiran)	e-Filing ➤ (Wajib bagi syarikat dan syarikat Labuan)	1 bulan	1 April 2018	-	Rujuk Nota Panduan 1 & 3	
	2. C1 / e-C1		e-Filing ➤	1 bulan	1 Ogos 2018			
			Melalui Pos ➤	3 hari bekerja	-			
			Secara Serahan Tangan ➤	Tiada	-			
	3. PT			Melalui Pos ➤ Secara Serahan Tangan ➤	3 hari bekerja Tiada			- -
	4. TA							
	5. TC							
6. TR								
7. TN								
BNCP Petroleum								
D	1. CPE	Dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh akhir tempoh eksplorasi	Melalui Pos ➤	3 hari bekerja	-	-		
	2. CPP Tahun Taksiran 2018	Dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh akhir tempoh asas	Secara Serahan Tangan ➤	Tiada	-			

Nota: Program ini terpakai sehingga program bagi tahun berikutnya dikeluarkan.

NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BNCP

Bil.	Perkara	Nota Panduan
1.	Tambahan Masa	<p>i) BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing / pos selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika ia diterima dalam tempoh tambahan masa selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.</p> <p>ii) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) / subseksyen 48(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP 1967] bagi BNCP (kecuali Borang E, Borang P dan Borang CPE) yang dikemukakan melalui e-Filing / pos.</p> <p>iii) Bagi kegagalan mengemukakan BNCP dalam tempoh yang dibenarkan, tindakan berikut boleh diambil berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan:-</p> <p>a) BNCP selain Borang E dan Borang P Tindakan di bawah subseksyen 112(1) ACP 1967 / subseksyen 51(1) APCP 1967 ATAU Penaan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 / subseksyen 51(3) APCP 1967.</p> <p>b) Borang E dan Borang P Tindakan di bawah subseksyen 120(1) ACP 1967.</p> <p>Contoh I: Tarikh akhir pengemukaan Borang BE Tahun Taksiran 2017 adalah 30 April 2018. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Mei 2018 bagi e-Filing Borang BE (Borang e-BE) Tahun Taksiran 2017. Jika pembayar cukai mengemukakan Borang e-BE Tahun Taksiran 2017 pada 16 Mei 2018, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Mei 2018 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.</p> <p>Contoh II: Tempoh perakaunan perkongsian liabiliti terhad (PLT) berakhir pada 31 Mei 2018. Tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi PLT (Borang PT) Tahun Taksiran 2018 adalah 31 Disember 2018. Tambahan masa diberikan sehingga 4 Januari 2019. Sekiranya PLT mengemukakan BNCP tersebut melalui pos pada 5 Januari 2019, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Januari 2019 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.</p>

NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BNCP

2. Borang E bagi Tahun Saraan 2017

- i) **Pengemukakan Borang E yang Lengkap dan Boleh Diterima**
 - a) Borang E hanya dianggap lengkap jika C.P.8D dikemukakan pada atau sebelum tarikh akhir pengemukakan borang.
 - b) Borang E dan C.P.8D yang dikemukakan hendaklah mengikut format seperti disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Borang E dan C.P.8D yang tidak mengikut format seperti ditetapkan oleh LHDNM, tidak boleh diterima dan tidak akan diproses.
- ii) **Penyerahan Borang C.P.8A / C.P.8C (EA / EC) kepada Pekerja**
Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967, majikan dikehendaki menyediakan Borang C.P.8A / C.P.8C (EA / EC) bagi tahun berakhir 2017 dengan lengkap dan memberikan borang tersebut kepada semua pekerja pada atau sebelum **28 Februari 2018**.
- iii) **Tatacara Pengemukakan Borang E dan C.P.8D**
 - a) Borang kertas yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan ke Pusat Pemprosesan Maklumat.
 - b) C.P.8D boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:-

Majikan	Kaedah Pengemukakan C.P.8D
Syarikat (termasuk syarikat Labuan)	<ul style="list-style-type: none"> i) Bersama Borang e-E (e-Filing) [muat naik format fail txt / format C.P.8D e-Filing] ii) Melalui e-Data Praisi (muat naik format fail txt pada atau sebelum 22 Februari 2018) iii) Cakera padat (CD) / pemacu USB / cakera keras luaran (format fail txt atau Microsoft Excel)
Bukan Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i) Bersama Borang e-E (e-Filing) [muat naik format fail txt / format C.P.8D e-Filing] ii) Bersama Borang E kertas iii) Melalui e-Data Praisi (muat naik format fail txt pada atau sebelum 22 Februari 2018) iv) CD / pemacu USB / cakera keras luaran (format fail txt atau Microsoft Excel)

Nota:

- a) Majikan digalakkan mengemukakan C.P.8D secara e-Filing sekiranya Borang E dikemukakan melalui e-Filing.
- b) Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar C.P.8D.
- c) Pengemukakan C.P.8D melalui disket atau e-mel TIDAK dibenarkan.
- d) Majikan yang tidak mengguna kaedah e-Filing disarankan untuk mengemukakan C.P.8D melalui CD / pemacu USB / cakera keras luaran sekiranya mempunyai **20 orang pekerja atau lebih**.
- e) Gunakan satu (1) CD / pemacu USB / cakera keras luaran untuk satu (1) nombor E.
- f) CD / pemacu USB / cakera keras luaran mengandungi maklumat C.P.8D yang telah dikemukakan adalah TIDAK dikembalikan.
- g) Format fail txt : Rujuk spesifikasi data di **Bahagian A LAMPIRAN**.
Format fail Microsoft Excel : Rujuk spesifikasi data di **Bahagian B LAMPIRAN**.
Format selain fail txt dan Microsoft Excel adalah TIDAK diterima.

- iv) **Praisi Maklumat Gaji pada e-Filing**
Bagi menjimatkan masa dan memudahkan pekerja menggunakan e-Filing, majikan digalakkan mengemukakan data praisi (data pendapatan pekerja) yang akan dimasukkan ke dalam e-Borang (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT). Sekiranya terdapat sebarang perubahan, maklumat tersebut boleh dipinda sebelum e-Borang ditandatangani dan dihantar secara elektronik. Majikan boleh menggunakan sistem e-Data Praisi di Portal Rasmi LHDNM untuk menyemak sama ada format data praisi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh LHDNM, dan mengemukakan data tersebut secara dalam talian **pada atau sebelum 22 Februari 2018**. Format untuk **Layout Maklumat Praisi** boleh diperoleh dari Portal Rasmi LHDNM.

NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BNCP

<p>3. Syarikat, Koperasi, Perkongsian Liabiliti Terhadap dan Badan Amanah yang Dorman *</p>	<p>i) Syarikat, koperasi, perkongsian liabiliti terhadap dan badan amanah yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) dorman * hendaklah mengemukakan BNCP (termasuk Borang E). – b) belum memulakan operasi tidak perlu mengemukakan Borang CP204. c) memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan pelaburan yang seumpamanya, tidak dianggap sebagai dorman. d) mengemukakan maklumat yang tidak benar adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 113 dan seksyen 114 ACP 1967. <p>ii) Bagi tujuan pengemukaan secara e-Filing (e-C), syarikat dorman * perlu mengisi BNCP seperti dikehendaki berikut:</p> <table border="1" data-bbox="454 371 2049 603"> <tr> <td>a)</td> <td>Tempoh Perakaunan</td> <td>Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</td> </tr> <tr> <td>b)</td> <td>Tempoh Asas</td> <td>Pengisian adalah mandatori.</td> </tr> <tr> <td>c)</td> <td>Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian</td> <td rowspan="2">Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.</td> </tr> <tr> <td>d)</td> <td>Kod Perniagaan</td> </tr> </table> <p>* Nota:- Bagi maksud di atas, 'dorman' bererti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tidak pernah beroperasi sejak tarikh ia diperbadankan / ditubuhkan; atau ii) Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan. 	a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.	c)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.	d)	Kod Perniagaan
a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).										
b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.										
c)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.										
d)	Kod Perniagaan											
<p>4. Kes Tuntutan Bayaran Balik</p>	<p>i) Lampiran / Helaian Kerja</p> <p>Lampiran / Helaian kerja yang digunakan untuk pengiraan tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan BNCP. Hanya lampiran atau helaian kerja bagi kes bayaran balik seperti berikut sahaja yang perlu dikemukakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Lampiran B2 / HK-6 berkenaan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain); (b) Lampiran B3 / HK-8 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 132 ACP 1967; atau (c) Lampiran B4 / HK-9 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 133 ACP 1967. <p>ii) Dokumen Lain</p> <p>Dokumen lain yang berkaitan dengan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain) dan potongan cukai yang dibuat di negara asing hanya perlu dikemukakan jika diminta untuk tujuan audit.</p>											
<p>5. Kelonggaran bagi Tujuan Bayaran Cukai di bawah Subseksyen 103(2) ACP 1967</p>	<p>Tambahan Masa untuk Bayaran Cukai / Baki Cukai</p> <p>Bagi taksiran yang dibangkitkan di bawah seksyen 91, 92, 96A dan subseksyen 90(2A), 90(3), 101(2) ACP 1967, cukai / baki cukai hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh taksiran. Walau bagaimanapun, tambahan masa 7 hari adalah dibenarkan.</p>											



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAYOUT MAKLUMAT C.P.8D - Pin. 2017

PENYATA SARAAAN DARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAAN) 1994

MAKLUMAN PENTING:

Majikan yang mempunyai sistem berkomputer sendiri dan bilangan pekerja yang ramai, adalah digalakkan untuk menyediakan data C.P.8D dalam bentuk txt mengikut format seperti dinyatakan di Bahagian A.

BAHAGIAN A:

PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P.8D DALAM FAIL TXT

1. Sekiranya kaedah pengemukaan C.P.8D adalah dengan menggunakan cakera padat (CD) / pemacu USB / cakera keras luaran, majikan hendaklah menyimpan maklumat majikan dan pekerja dalam dua (2) fail berbeza menggunakan nama fail mengikut piawaian yang ditetapkan di bawah.
2. Jika kaedah pengemukaan C.P.8D adalah dengan memuat naik C.P.8D dalam bentuk txt melalui e-Filing Borang E (e-E), majikan hanya perlu memuat naik maklumat pekerja sahaja. Format maklumat pekerja dan piawaian nama fail pekerja adalah seperti yang ditetapkan di bawah.

MAKLUMAT MAJIKAN

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
No. Majikan	Integer	10	No. E majikan. Diisi tanpa E di hadapan	2900030000
Nama Majikan	<i>Variable character</i>	80	Nama majikan seperti yang dilaporkan kepada LHDNM	Syarikat Bina Jaya
Saraan Bagi Tahun	Integer	4	Tahun saraan berkeajaan	2017

Contoh data txt:

2900030000|Syarikat Bina Jaya|2017

Nota:

- 1) Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.
- 2) Maklumat majikan hendaklah disimpan dengan piawaian nama seperti di bawah:

MHHHHHHHHHHH_TTTT.TXT

M : maklumat majikan
HHHHHHHHHH : no. E
TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menghantar fail txt untuk tahun saraan 2017.

Fail maklumat majikan akan dihantar kepada LHDNM dengan nama: **M2900030000_2017.txt**

MAKLUMAT PEKERJA

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Nama Pekerja	<i>Variable character</i>	60	Nama seperti dalam kad pengenalan.	Ali bin Ahmad
No. Cukai Pendapatan	Integer	11	No. cukai pendapatan seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada no. cukai pendapatan, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.	03770324020
No. Pengenalan / Pasport	<i>Variable character</i>	12	Keutamaan diberikan kepada No. K/P baru diikuti dengan No. Polis, No. Tentera dan No. Pasport. No. Pasport digunakan untuk warganegara asing.	730510125580 atau A2855084 atau T0370834.
Kategori Pekerja	Integer	1	Kategori Pekerja (seperti dalam Jadual PCB):- ~ Kategori 1: Bujang ~ Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja ~ Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat Jika status berubah contohnya daripada Kategori 1 kepada Kategori 3, isikan Kategori Pekerja yang terkini.	Pekerja berkahwin pada 24 Jun 2017 dan isterinya bekerja. Kategori Pekerja yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '3'.
Cukai Ditanggung Oleh Majikan	Integer	1	Isikan 1 atau 2 iaitu: 1 = Ya 2 = Tidak	Cukai pendapatan pekerja tidak ditanggung oleh majikan. Isikan '2' bagi pekerja tersebut.
Bilangan Anak Yang Layak Untuk Pelepasan Cukai	Integer	2	Isikan bilangan anak yang layak untuk tuntutan pelepasan cukai.	Bilangan anak = 2 orang. 1 orang anak berumur 22 tahun telah berkahwin dan 1 orang anak lagi masih bersekolah. Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai = 1
Jumlah Pelepasan Bagi Anak Yang Layak	Desimal	7	Jumlah pelepasan bagi anak yang layak adalah sama seperti jumlah pelepasan anak yang dikira bagi tujuan PCB. Jumlah ini adalah tanpa nilai sen.	Jumlah pelepasan anak yang layak bagi pekerja tersebut adalah RM2000 (dilaporkan sebagai 2000).

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Jumlah Saraan Kasar	Desimal	11	Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.	RM50000.70 dan RM50000.20 dilaporkan sebagai 50000.
Manfaat Berupa Barangan	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan adalah tanpa nilai sen.	RM4200.80 dan RM4200.10 dilaporkan sebagai 4200.
Nilai Tempat Kediaman	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia adalah tanpa nilai sen.	RM12000.90 atau RM12000.20 dilaporkan sebagai 12000.
Manfaat Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat ESOS adalah tanpa nilai sen.	RM1300.80 atau RM1300.30 dilaporkan sebagai 1300.
Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai	Desimal	11	Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen.	RM445.60 dan RM445.20 dilaporkan sebagai 445.
Jumlah Tuntutan Pelepasan Oleh Pekerja Melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1 adalah tanpa nilai sen.	RM2200.50 dan RM2200.10 dilaporkan sebagai 2200.
Jumlah Tuntutan Bayaran Zakat Oleh Pekerja Melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat (SELAIN yang dibayar melalui potongan gaji bulanan) yang dituntut oleh pekerja melalui Borang TP1. Jumlah ini ada nilai sen.	RM1400.30 dilaporkan sebagai 1400.30.
Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Desimal	11	Jumlah caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah tanpa nilai sen.	RM3600.90 dan RM3600.30 dilaporkan sebagai 3600.
Zakat Yang Dibayar Melalui Potongan Gaji	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat melalui potongan gaji ada nilai sen.	RM1700.20 dilaporkan sebagai 1700.20.
PCB	Desimal	11	Jumlah PCB ada nilai sen.	RM2555.25 dilaporkan sebagai 2555.25.
CP38	Desimal	11	Jumlah CP38 ada nilai sen.	RM1822.63 dilaporkan sebagai 1822.63.

Contoh data txt 1:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas:

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200|12000|1300|445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|1822.63

Contoh data txt 2:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas tetapi dengan pindaan maklumat seperti berikut:

- Pekerja tidak mendapat manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan.
- Pekerja tidak menerima manfaat ESOS daripada majikan.
- Tiada potongan cukai pendapatan melalui CP38 untuk pekerja tersebut.

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200|||445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|

Nota:

- 1) Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.
- 2) Maklumat pekerja hendaklah disimpan dengan piawaian nama seperti di bawah:

PHHHHHHHHHH_TTTT.TXT

P : maklumat pekerja
 HHHHHHHHHH : no. E
 TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menghantar fail txt untuk tahun saraan 2017.

Fail maklumat pekerja akan dihantar kepada LHDNM dengan nama: **P2900030000_2017.txt**

BAHAGIAN B:**PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P.8D DALAM MICROSOFT EXCEL**

1. LHDNM telah menyediakan format C.P.8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 untuk kemudahan majikan menyediakan data tersebut. Program tersebut boleh diperolehi melalui Portal Rasmi LHDNM.
2. Format C.P.8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 hanya boleh dikemukakan dengan menggunakan CD / pemacu USB / cakera keras luaran, dan pengemukaannya secara e-Filing adalah tidak diterima.
3. Majikan yang menggunakan kemudahan Microsoft Excel yang dibekalkan oleh LHDNM perlu menamakan fail mengikut piawaian seperti berikut:

YYHHHHHHHHH_TTTT.XLS

YY : maklumat majikan dan pekerja (MP)
 HHHHHHHHHH : no. E
 TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menggunakan Microsoft Excel untuk tahun saraan 2017.

Satu (1) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama **MP2900030000_2017.XLS**

PANDUAN RALAT DAN PAPARAN MESEJ KESALAHAN SEMASA MENGGUNAKAN FORMAT MICROSOFT EXCEL YANG DIBEKALKAN

BIL.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
1.	No. Majikan: (No. E) Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 10 digit.	1. Nilai yang diterima adalah digit. 2. Bilangan digit melebihi 10 digit.
2.	Nama Majikan: Memasukkan nama majikan melebihi 80 aksara.	Panjang melebihi 80 aksara.
3.	Saraan Bagi Tahun: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.	Nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.
4.	Nama Pekerja: Memasukkan nama pekerja melebihi 60 aksara.	Panjang melebihi 60 aksara.
5.	No. Cukai Pendapatan: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 11 digit.	Nilai yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 11 digit.
6.	No. Pengenalan / Pasport: Memasukkan maklumat melebihi 12 aksara.	Panjang melebihi 12 aksara.
7.	Kategori Pekerja: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Kategori yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit.

PANDUAN RALAT DAN PAPARAN MESEJ KESALAHAN SEMASA MENGGUNAKAN FORMAT MICROSOFT EXCEL YANG DIBEKALKAN

BIL.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
8.	Cukai Ditanggung Oleh Majikan: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Maklumat yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit.
9.	Bilangan Anak Yang Layak Untuk Pelepasan Cukai: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 2 digit.	Bilangan yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 2 digit.
10.	Jumlah Pelepasan Bagi Anak Yang Layak: Memasukkan nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.
11.	Jumlah Saraan Kasar: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
12.	Manfaat Berupa Barangan: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
13.	Nilai Tempat Kediaman: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
14.	Manfaat Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS): Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
15.	Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
16.	Jumlah Tuntutan Pelepasan Oleh Pekerja Melalui Borang TP1: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
17.	Jumlah Tuntutan Bayaran Zakat Oleh Pekerja Melalui Borang TP1: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
18.	Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
19.	Zakat Yang Dibayar Melalui Potongan Gaji: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
20.	PCB: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
21.	CP38: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.